



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 15/2018 dari 8 hingga 14 April 2018)

Kes Denggi yang dilaporkan pada minggu ke-15 iaitu bermula dari 8 April hingga 14 April 2018 menunjukkan penurunan. Sejumlah 1,048 kes Denggi telah dilaporkan pada minggu ke-15, penurunan 87 kes (7.7%) berbanding minggu sebelumnya iaitu 1,135 kes. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes Denggi sehingga 14 April 2018 sebanyak 16,917 kes berbanding 27,405 kes bagi tempoh yang sama tahun 2017, iaitu penurunan sebanyak 10,488 kes (38.3%).

Terdapat lima (5) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Sabah 5 kes (8.6%), WPKL & Putrajaya 3 kes (4.1%), WP Labuan 2 kes, Terengganu 1 kes (25%), Kelantan 1 kes (11.1%) dan Pahang 1 kes (7.1%). Oleh yang demikian, aktiviti pencegahan Denggi perlu terus dipergiatkan terutamanya penghapusan pembiakan nyamuk Aedes melalui pembersihan persekitaran di premis yang berisiko tinggi seperti taman mainan/rekreasi, tanah/lot kosong, projek terbengkalai, kilang/gudang dan tanah perkuburan.

Terdapat dua kes kematian Denggi yang dilaporkan pada minggu ke-15, menjadikan jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak 34 kematian, berbanding 65 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2017, pengurangan sebanyak 31 kematian (47.7%).

Jumlah lokaliti wabak semasa meningkat sebanyak 7 lokaliti (2.1%), iaitu 342 lokaliti pada minggu ke-15 berbanding 335 lokaliti pada minggu sebelumnya. Pada minggu ke-15, terdapat 29 lokaliti hotspot yang dilaporkan melibatkan empat (4) buah negeri iaitu 26 lokaliti di Selangor dan satu (1) lokaliti masing-masing di Pulau Pinang, WPKL & Putrajaya dan Perak.

Tiada kes Chikungunya dilaporkan pada minggu ke-15. Sehubungan itu, jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula dari Januari hingga 14 April 2018 kekal sebanyak 41 kes iaitu 34 kes dari Kelantan, tiga (3) kes dari Kedah dan masing-masing satu (1) kes dari Sabah, Perlis, Selangor dan Sarawak. Berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) didapati 861 sampel darah dan enam (6) sampel urin pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif.

Pencegahan penyakit demam Denggi adalah tanggungjawab semua. Oleh itu, sepanjang tempoh Pilihan Raya Umum ke-14, Kementerian Kesihatan Malaysia menegaskan kepada semua pihak untuk memastikan i) kawasan tempat berkempen adalah bersih sebelum, semasa dan selepas perhimpunan, ii) tiada sampah sarap yang boleh menakung air (botol plastik, tin, plastik) di sekitar kawasan berkempen dan iii) sentiasa menggunakan repelan bagi melindungi diri dari gigitan nyamuk terutamanya waktu senja, malam dan awal pagi. Pastikan anda sihat tanpa penyakit demam Denggi untuk keluar mengundi. **Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**


DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

25 April 2018

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 15/2018
(8 hingga 14 April 2018)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 15/2018		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 15/2017	
		Minggu 15 (8 – 14 April 2018)		Minggu 14 (1 – 7 April 2018)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	4	0	6	0	74	0	58	0
2	Kedah	30	1	39	0	408	2	389	1
3	P. Pinang	56	0	63	0	1122	1	628	5
4	Perak	45	0	63	0	978	2	2430	6
5	Selangor	623	0	661	0	9189	10	14561	21
6	WP KL & Putrajaya	77	0	74	0	1168	2	2522	10
7	N. Sembilan	21	0	24	0	336	0	1179	7
8	Melaka	3	0	5	0	157	0	561	0
9	Johor	87	0	108	0	1646	4	1939	7
10	Pahang	15	0	14	0	259	1	669	1
11	Terengganu	5	0	4	0	51	0	103	0
12	Kelantan	10	0	9	0	277	1	1279	2
13	Sarawak	7	0	7	0	158	1	475	2
14	Sabah	63	1	58	0	1079	10	609	3
15	WP Labuan	2	0	0	0	15	0	3	0
	MALAYSIA	1048	2	1135	0	16917	34	27405	65

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 15/2018
(8 hingga 14 April 2018)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 4)	37	101
2	PERAK	Kinta	Kg Tersusun Jelapang Jaya	32	92
3	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Seksyen 1 Bandar Teknologi	24	75
4	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 (Flat E : Blok 47 - 54)	29	72
5	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Perdana)	61	69
6	SELANGOR	Petaling	Seksyen U7 (Tudm Subang A : Blok G1 - G8)	39	68
7	SELANGOR	Petaling	Seksyen 18 (Teres D : Jalan 18/19 - 18/27)	29	61
8	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 (Padang Jawa K : Jalan Bilal Wondo)	16	58
9	SELANGOR	Hulu Langat	Kem Pga Batu 7 Cheras	17	57
10	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Utarid : Blok 8 - 10)	16	57
11	SELANGOR	Gombak	Kip Bt 8	9	49
12	SELANGOR	Klang	Taman Klang Utama(Jalan Sg Keramat 12)	10	45
13	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sri Raya	14	41
14	SELANGOR	Gombak	Kg Sri Indah A	7	41
15	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pangsapuri Kristal)	12	38
16	SELANGOR	Petaling	Bg Seksyen 17 Teres F	9	38
17	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Mentari : Blok 1,2 & 3)	20	37

18	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Cheras Permai	13	37
19	SELANGOR	Petaling	Usj 2/5	6	37
20	SELANGOR	Gombak	Au5c Taman Keramat	7	37
21	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Dato Hormat (Jalan Pandan)	5	36
22	SELANGOR	Gombak	Bdr Tasik Puteri Gv 1 (Zon B)	6	35
23	SELANGOR	Petaling	Seksyen 27 (Teres D : Jln 27/54 - 27/87)	4	33
24	SELANGOR	Gombak	Bdr Tasik Puteri Gv 1 (Zon A)	15	33
25	P PINANG	Seberg Perai Tengah	Tmn Sri Janggus (Blok A1-A5)	33	32
26	WPKL	Kepong	Flat Sri Perak	5	32
27	SELANGOR	Petaling	Seksyen U1 (Taman Perindustrian Hicom Glenmarie : Jln U1/14 - 29)	6	31
28	SELANGOR	Klang	Kg Sg Udang (Rumah Murah)	8	31
29	SELANGOR	Petaling	Tmn Perindustrian Sg Penaga Subang Permai (Jln Subang)	6	31

